3. Kehilangan yang dibayar balik oleh hotel, di mana dokumen perjalanan dan/atau wang disimpan di dalam peti besi hotel.

SEKSYEN 9 – KELEWATAN BAGASI

Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan RM200 untuk setiap enam (6) jam penuh di mana bagasi Pihak Diinsuranskan yang telah didaftarkan masuk lewat, tersalah arah atau tersalah letak buat sementara waktu oleh Pengangkutan Umum dari waktu ketibaan beliau di destinasi yang dijadualkan di luar negara sehingga waktu beliau menerima bagasinya.

Pengecualian bagi Seksyen 9

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. kelewatan bagasi yang tidak dilaporkan serta-merta kepada Pengangkutan Umum;
2. kelewatan bagasi ketika perjalanan pulang Pihak Diinsuranskan ke Malaysia; dan
3. kegagalan untuk mendapatkan pengesahan bertulis berkenaan tarikh dan masa sebenar penghantaran bagasi daripada sistem pengangkutan atau ejen yang menguruskan.

Pihak Diinsuranskan hanya boleh membuat tuntutan sama ada bagi Seksyen 7 atau Seksyen 9 untuk setiap satu Perjalanan.

SEKSYEN 10 – KELEWATAN PERJALANAN

1. Jika perlepasan pengangkutan awam yang dijadualkan bagi perjalanan Pihak Diinsuranskan lewat berbanding masa yang tertera di dalam jadual perjalanan yang disediakan kepada Pihak Diinsuranskan, Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan RM200 untuk setiap enam (6) jam penuh pertama dan RM300 untuk setiap enam (6) jam penuh seterusnya.

2. Jika mana-mana bahagian Perjalanan dibatalkan oleh sebab kelewatan tersebut, tetapi Pihak Diinsuranskan masih meneruskan Perjalanan, Kami akan membayar balik kepada beliau deposit yang tidak dapat dipulangkan atau pembayaran yang didahulukan atau bayaran yang perlu dibayar berdasarkan kontrak bagi bahagian-bahagian yang dibatalkan.

Kelewatan harus disahkan secara bertulis oleh pengendali (atau pengendali-pengendali) pengangkutan atau ejen (atau ejen-ejen) yang menguruskannya berkenaan bilangan jam yang lewat. Jika Pihak Diinsuranskan berhak menerima bayaran balik bagi kesemua atau sebahagian perbelanjaan daripada pihak yang lain, Kami akan menanggung liabiliti untuk amaun lebih daripada amaun yang didapatkan semua daripada pihak lain itu.

Pengecualian bagi Seksyen 10

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, yang berkenaan, atau disebabkan:

1. kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk mendaftar masuk berpandukan jadual perjalanan yang disediakan kepada beliau atau kegagalan untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada sistem pengangkutan atau ejen yang menguruskan.
2. mogok, rusuhan atau tindakan perindustrian yang wujud pada tarikh Pihak Diinsuranskan membeli Polisi ini; dan
3. Pihak Diinsuranskan tiba lewat di terminal Pengangkutan Awam selepas masa daftar masuk atau tempah masuk. (kecuali kelewatan disebabkan oleh mogok atau tindakan perindustrian)

SEKSYEN 11 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN

1. Pembatalan

Kami akan membayar balik Pihak Diinsuranskan untuk Kehilangan deposit yang tidak dipulangkan atau pembayaran terlebih dahulu atau bayaran yang perlu dibayar untuk Perjalanan Pihak Diinsuranskan hanya jika terjadinya pembatalan yang tidak dapat dielakkan atau dianggap perlu oleh Pihak Diinsuranskan akibat dari sebab-sebab yang di luar kawalan beliau setelah Perlindungan ini berkuatkuasa disebabkan oleh;

- (a) kematian Pihak Diinsuranskan, Kecederaan Serius atau Penyakit Serius atau kematian, Kecederaan Serius atau Penyakit Serius Ahli Keluarga Terdekat beliau. Sijil Kematian perlu disertakan dan nasihat bertulis daripada Pengamal Perubatan yang merawat Pihak Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Terdekat beliau yang mengesahkan nasihat untuk membatalkan Perjalanan disebabkan Kecederaan Serius atau Penyakit Serius;
- (b) berlakunya mogok, rusuhan atau kekecohan sivil yang tidak terduga dan berlaku di luar kawalan di destinasi tujuan yang dirancang;
- (c) panggilan untuk menjadi saksi, yang tidak diketahui sebelum Pihak Diinsuranskan membeli Polisi ini; dan/atau
- (d) kerosakan serius kepada kediaman Pihak Diinsuranskan di Malaysia akibat kebakaran, banjir atau bencana alam yang berlaku di antara satu minggu sebelum memulakan Perjalanan dan Pihak Diinsuranskan perlu untuk berada di premis pada hari beliau sepatutnya memulakan perjalanan.

2. Penangguhan atau Penundaan

Sekiranya Perjalanan Pihak Diinsuranskan tertangguh atau tertunda, akibat keadaan yang berlaku di luar kawalan beliau selepas Polisi ini berkuatkuasa disebabkan oleh **perkara di dalam 11.1 (a) – (d)** yang tersebut di atas, Kami akan membayar balik Pihak Diinsuranskan sebarang caj tambahan yang berkaitan dengan sebarang kos pra-bayar yang dibayar oleh Pihak Diinsuranskan, akibat pertukaran terhadap tarikh perjalanan.

Pihak Diinsuranskan hanya boleh membuat tuntutan sama ada bagi Seksyen 11.1 atau Seksyen 11. 2 untuk setiap satu Perjalanan.

SEKSYEN 12 – PEMENDEKAN PERJALANAN

Kami akan membayar balik Pihak Diinsuranskan mengikut perkadaran yang setimpal dengan perbelanjaan yang berbayar terdahulu dan tidak boleh dipulangkan bagi perjalanan beliau yang tertera di invoice tempahan, berdasarkan pengiraan pro rata bagi dari tarikh ketibaan beliau ke Malaysia sehingga tamatnya Perjalanan atau Polisi (yang mana terdahulu), yang perlu dan tidak dapat dielakkan atas sebab Pemendekan (seperti yang didefinisikan) Perjalananan akibat:

- (a) Kecederaan Serius atau Penyakit Serius Pihak Diinsuranskan dan mengikut nasihat perubatan;

- (b) kematian yang tidak dijangka, Kecederaan Serius atau Penyakit yang berlaku ke atas Ahli Keluarga Pihak Diinsuranskan atau orang yang mengembara bersama Pihak Diinsuranskan;
- (c) Rampasan kapalterbang yang mana Pihak Diinsuranskan menaiki sebagai penumpang;
- (d) bencana alam, yang menghindarkan Pihak Diinsuranskan daripada meneruskan Perjalanan beliau;
- (e) Kerosakan serius kepada kediaman utama Pihak Diinsuranskan akibat kebakaran, banjir, atau bencana alam yang memerlukan beliau untuk berada di premis; dan/atau
- (f) berlakunya mogok, rusuhan atau kekecohan sivil yang tidak diduga berlaku ketika Perjalanan dan di luar kawalan Pihak Diinsuranskan pada destinasi tujuan yang boleh membahayakan beliau.

Jika kos pra-bayar terhad kepada tiket kapal terbang sahaja, pembayaran balik adalah untuk sektor tiket perjalanan yang belum digunakan.

Sijil perubatan hendaklah diperolehi dari Pengamal Perubatan yang merawat Pihak Diinsuranskan bagi mengesahkan nasihat untuk pulang ke Malaysia akibat Kecederaan atau Penyakit Pihak Diinsuranskan. Bagi Rampasan atau kematian, perkadaran yang setimpal dengan kos berbayar terdahulu yang tidak boleh dipulangkan hendaklah dikira bermula dari tarikh kejadian sehingga tarikh luput Perjalanan atau Polisi, yang mana terdahulu. Perlindungan ini berkuatkuasa hanya jika Polisi dibeli sebelum Pihak Diinsuranskan sedar tentang sebarang kejadian, yang boleh membawa kepada terganggunya Perjalanan.

Pihak Diinsuranskan hanya boleh membuat tuntutan sama ada bagi Seksyen 11 atau Seksyen 12 untuk setiap satu Perjalanan.

Pengecualian bagi Seksyen 11 dan 12

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, yang berkenaan, atau disebabkan:

1. Peraturan atau Akta Kerajaan, kelewatan atau pemindaan Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, pengabaian atau kemungkaran) oleh mana-mana pihak yang memberi khidmat yang membentuk sebahagian Perjalanan yang ditempah dan juga Ejen Pelancongan atau pengendali lawatan di mana Perjalanan ini ditempah;
2. mufliis, pembubaran insolven atau penutupan Agensi (atau Agensi-agensi) Pelancongan atau Pengangkutan Umum.
3. perniagaan Pihak Diinsuranskan, obligasi kewangan atau kontrak atau kepunyaan teman perjalanan beliau;
4. keberatan untuk mengembara atau keadaan kewangan Pihak Diinsuranskan.
5. disebabkan oleh tindakan menyalahi undang-undang, atau prosiding jenayah sesiapa di mana Perjalanan yang ditempah bergantung kepadanya, melainkan untuk menghadiri, di sapena sebagai saksi di Mahkamah; dan
6. kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk memaklumkan Ejen Pelancongan/pengendali lawatan atau penginapan dengan serta merta selepas mengetahui perlunya untuk membatalkan atau memendekkan perjalanan.

SEKSYEN 13 – PERJALANAN TERLEBIH TEMPAHAN

Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan sekiranya Pihak Diinsuranskan tidak dibenarkan menaiki Pengangkutan Umum komersial berjadual (pengangkutan udara sahaja) akibat terlebih tempahan dan tiada pengangkutan gantian yang diberi kepada beliau dalam jangkamasa enam (6) jam atau lebih daripada waktu pelepasan yang dijadualkan bagi Pengangkutan Umum (pengangkutan udara sahaja) tersebut. Maklumat penerbangan terlebih tempahan yang didapatkan oleh Pihak Diinsuranskan harus disahkan secara bertulis oleh pengendali (atau pengendali-pengendali) Pengangkutan Umum (pengangkutan udara sahaja) atau ejen (atau ejen-ejen) yang mengendalinya.

SEKSYEN 14 – KEGAGALAN MENYAMBUNG PERJALANAN

Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan, jika penerbangan sambungan keluar yang disahkan dan dijadualkan oleh Pengangkutan Umum (pengangkutan udara sahaja) terlepas di pusat pemindahan disebabkan kelewatan Pihak Diinsuranskan akibat penerbangan sambungan masuk yang disahkan dan dijadualkan oleh Pengangkutan Umum (pengangkutan udara sahaja), dan tiada pengangkutan gantian yang diberi kepada beliau dalam jangkamasa empat (4) jam atau lebih daripada waktu ketibaan sebenar penerbangan masuk Pengangkutan Umum (pengangkutan udara sahaja) beliau. Maklumat kegagalan menyambung perjalanan yang didapatkan oleh Pihak Diinsuranskan harus disahkan secara bertulis oleh pengendali (atau pengendali-pengendali) Pengangkutan Umum (pengangkutan udara sahaja) atau ejen (atau ejen-ejen) yang mengendalinya.

SEKSYEN 15 – RAMPASAN PESAWAT/KENDERAAN

Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan RM1, 000 untuk setiap dua puluh empat (24) jam penuh sehingga had yang tertera di dalam Jadual Manfaat jika pengangkutan awam berjadual beliau naiki dirampas semasa anda dalam Perjalanan luar negara beliau.

SEKSYEN 16 – KEGAGALAN UNTUK BERLEPAS

Kami akan membayar balik Pihak Diinsuranskan untuk perbelanjaan tambahan bagi penginapan dan pengangkutan yang munasabah untuk pulang ke Malaysia akibat kerosakan mekanikal perkhidmatan pengangkutan awam (sebarang bus atau teksi atau perkhidmatan berjadual di mana orang awam boleh menaiki di perhentian sebagai penumpang berbayar) untuk Pihak Diinsuranskan sampai ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen keretapi seperti yang tertera pada tiket Pihak Diinsuranskan.

Pihak Diinsuranskan harus mendapatkan pengesahan bagi kerosakan mekanikal secara bertulis daripada pengendali (atau pengendali-pengendali) pengangkutan awam atau ejen (atau ejen-ejen) yang mengendalinya.

Pengecualian bagi Seksyen 16

Kami tidak akan membayar bagi kejadian yang diakibatkan oleh:

1. kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan sebelum waktu yang dikehendaki untuk sebarang sebab selain selain kerosakan mekanikal perkhidmatan pengangkutan awam; dan/atau
2. Pihak Diinsuranskan lambat tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas daftar masuk atau masa tempah masuk untuk sebarang sebab selain selain kerosakan mekanikal perkhidmatan pengangkutan awam

SEKSYEN 17 – LALUAN PERJALANAN DIUBAH

Kami akan membayar balik Pihak Diinsuranskan sekiranya pengangkutan awam yang berjadual diatur untuk dinaiki oleh Pihak Diinsuranskan selama enam (6) jam daripada masa yang dinyatakan dalam jadual perjalanan yang disediakan kepada beliau akibat perubahan laluan perjalanan pengangkutan awam berjadual disebabkan mogok/tindakan industri, keadaan cuaca yang buruk atau kerosakan mekanikal.

Pengecualian bagi Seksyen 17

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, yang berkenaan, atau disebabkan:

1. lambat tiba di destinasi akibat kelewatan pengangkutan awam berjadual untuk berlepas;
2. kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada syarikat pengangkutan atau ejen mereka berkenaan bilangan jam bagi kelewatan dan sebab bagi kelewatan tersebut; dan/atau
3. mogok, rusuhan atau tindakan industri berlaku pada tarikh Pihak Diinsuranskan membeli Polisi ini.

SEKSYEN 18 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU BAYARAN PENUH DISEBABKAN SYARIKAT PENERBANGAN INSOLVEN

Sekiranya sebelum atau selepas tarikh berlepas Perjalanan Pihak Diinsuranskan, syarikat penerbangan dari mana Pihak Diinsuranskan membeli tiket penerbangan beliau diishtihar insolven dan beliau tidak dapat meneruskan Perjalanan beliau, Kami akan membayar balik Pihak Diinsuranskan untuk Kerugian atau Kehilangan deposit yang tidak boleh didapatkan semula atau bayaran penuh yang dibayar dahulu untuk tiket penerbangan Pihak Diinsuranskan.

Pengecualian bagi Seksyen 18

Kami tidak membayar bagi sebarang Kehilangan:

1. untuk pembelian tiket bagi penerbangan komersial yang tidak dijadualkan; dan/atau
2. Jika Pihak Diinsuranskan tahu, ketika beliau membeli Polisi ini, tentang sebarang sebab yang boleh menyebabkan tuntutan untuk Seksyen ini.

SEKSYEN 19 – KEHILANGAN KAD KREDIT

Jika Pihak Diinsuranskan mengalami kerugian kewangan disebabkan kesan langsung penyalahgunaan kad kredit Pihak Diinsuranskan akibat kecurian semasa Perjalanan beliau, Kami akan membayar untuk kerugian tersebut dan tuntutan itu harus bersertakan laporan yang diisu oleh syarikat kad membuktikan Kehilangan.

Pengecualian bagi Seksyen 19

Kami tidak akan membayar untuk sebarang Kerugian:

1. jika kecurian kad kredit Pihak Diinsuranskan tidak dilaporkan kepada syarikat yang mengisukan Kad Kredit dalam tempoh tiga (3) jam dari masa kecurian; dan/atau
2. kerugian itu boleh diperolehi kembali dari sumber lain.

SEKSYEN 20 – LIABILITI DIRI

Kami akan membayar ganti kepada Pihak Diinsuranskan untuk liabiliti undang-undang terhadap tuntutan pihak ketiga yang timbul dalam Tempoh Insurans diakibatkan:

- (a) Kecederaan akibat Kemalangan (termasuk kematian) terhadap pihak ketiga; dan/atau
- (b) Kehilangan atau Kerosakan tidak disengajakan kepada harta benda pihak ketiga.

Kami juga memberi indemniti terhadap:

- (1) kos dan perbelanjaan pihak ketiga yang boleh dituntut daripada Pihak Diinsuranskan dan
- (2) kos dan perbelanjaan Pihak Diinsuranskan yang Kami benarkan secara bertulis. Melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Kami, tiada sesiapa berhak mengaku liabiliti bagi pihak Pihak Diinsuranskan atau memberikan kenyataan atau persetujuan yang mengikat Pihak Diinsuranskan. Kami berhak mengendalikan semua urusan yang timbul atau berkaitan dengan tuntutan atas nama Pihak Diinsuranskan dan memberi arahan untuk peguam pilihan Kami untuk mengendalikan perkara berkenaan.

Pengecualian bagi Seksyen 20

Kami tidak membayar tuntutan yang timbul atau akibat daripada:

1. liabiliti majikan, liabiliti perjanjian atau liabiliti ke atas ahli keluarga Pihak Diinsuranskan;
2. harta benda kepunyaan Pihak Diinsuranskan, atau, di dalam jagaan atau kawalan beliau;
3. sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau menyalahi undang-undang;
4. penglibatan dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan;
5. pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan (selain daripada tempat kediaman sementara);
6. pemilikan atau penggunaan kenderaan, kapal udara atau kapal air atau kenderaan pengangkutan lain;
7. kos undang-undang yang timbul daripada apa-apa prosiding jenayah;
8. pengaruh alkohol, pendakian gunung, sebarang sukan musim sejuk, sebarang sukan yang memerlukan sentuhan, menunggang atau memandu dalam perlumbaan atau penggunaan senjata api;

9. pengadilan yang bukan pertama kali diberikan oleh atau diterima daripada Mahkamah Perundangan di Malaysia.

SEKSYEN 21 – MANFAAT PENJAGAAN RUMAH

Kami akan, melalui pembayaran atau dengan pilihan Kami pemulihan atau pembaikan, melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap Kehilangan atau set tersebut, liabiliti Kami tidak boleh melebihi nilai perkadaran atau Kerosakan fizikal Kandungan Rumah kediaman tetap Pihak Diinsuranskan Di Malaysia yang ditinggalkan kosong disebabkan Perjalanan beliau, akibat rompakan atau kebakaran ketika Tempoh Insurans, tetapi hanya selepas bermulanya Perjalanan Pihak Diinsuranskan.

Sekiranya Kehilangan atau Kerosakan terhadap sebarang harta benda yang diinsuranskan yang merupakan sebahagian daripada pasangan atau set tersebut, liabiliti Kami tidak boleh melebihi nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian pasangan atau set. Kami tidak menanggung liabiliti melebihi RM500 bagi mana-mana satu barangan atau pasangan atau set barangan tersebut.

Pengecualian bagi Seksyen 21

Kami tidak akan membayar:

1. sebarang Kehilangan atau Kerosakan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, berkenaan atau disebabkan oleh tindakan Pihak Diinsuranskan yang sengaja atau dibiarkan beliau; dan
2. kerugian yang boleh diperolehi kembali daripada lain-lain insurans yang diambil oleh Pihak Diinsuranskan untuk Perlindungan Kandungan Rumah Pihak Diinsuranskan.

SEKSYEN 22 – PERLINDUNGAN EKSES BAGI KERETA SEWA

Kami akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan untuk sebarang eksekusi atau pemotongan, di mana Pihak Diinsuranskan dipertanggungjawabkan di bawah kontrak sewaan kereta disebabkan Kehilangan atau Kerosakan kepada kereta sewa akibat Kemalangan, hanya jika syarat-syarat berikut:

1. kereta harus disewa daripada agensi sewaan yang berlesen;
2. Pihak Diinsuranskan harus mengambil insurans motor komprehensif terhadap sebarang Kerugian atau Kerosakan ke atas kenderaan sewa ketika dalam tempoh penyewaan;
3. Pihak Diinsuranskan perlu memenuhi semua kehendak agensi sewaan di bawah perjanjian langganan, penginsurans di bawah polisi insurans motor kereta sewa tersebut serta undang-undang dan peraturan-peraturan negara yang dilawati (termasuk Malaysia); dan
4. Kereta hendaklah disewa dan dipandu oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana Ahli Keluarga Terdekat beliau memegang lesen (atau lesen-lesen) sah untuk memandu kenderaan sewa di negara yang dilawati dan dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan di dalam Sijil Insurans.

Pengecualian bagi Seksyen 22

1. Kehilangan atau Kerugian disebabkan kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk mematuhi sebarang syarat yang disenaraikan di dalam Seksyen ini;
2. Pihak Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Terdekat tersebut di dalam Tempoh Insurans, hilang kelayakan di atas perintah Mahkamah atau dilarang daripada menyewa dan/atau memandu di atas sebab undang-undang, enakmen atau peraturan negara yang dilawati (termasuk Malaysia); atau
3. Kehilangan atau Kerosakan bukan disebabkan oleh Kemalangan yang membabitkan kereta sewa tersebut.

SEKSYEN 23 – WANG TEBUSAN DISEBABKAN PENCULIKAN ATAU TEBUSAN

Kami akan membayar wang tebusan yang diminta disebabkan Pihak Diinsuranskan ditangkap sebagai Tebusan melalui penculikan.

Pengecualian bagi Seksyen 23

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat bagi Seksyen ini untuk Kerugian atau Kerosakan disebabkan oleh:

1. penipuan, tidak jujur atau tindakan menyalahi undang-undang oleh Pihak Diinsuranskan;

2. peristiwa, yang berlaku di negara kediaman Pihak Diinsuranskan, sebarang negara yang terletak di Tengah atau Utara Amerika atau Afrika, atau sebarang negara yang dikawal aktif oleh tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu;
3. bayaran tebusan sebelum penculikan dilaporkan kepada Polis atau badan kerajaan berkenaan; dan/atau
4. kegagalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana ahli Keluarga beliau untuk mematuhi polisi-polisi dan pihak berkuasa yang berkenaan.

SEKSYEN 24 – PENGGANTIAN KEMBARA

Sekiranya disebabkan Pihak Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Terdekat Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam berdasarkan saranan Pengamal Perubatan disebabkan oleh Kecederaan atau Penyakit, Pihak Diinsuranskan tidak meneruskan Perjalanan yang dirancang, tetapi orang lain menggantikan tempat Pihak Diinsuranskan untuk meneruskan Perjalanan, Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan untuk perbelanjaan pengurusan atau caj yang dikenakan untuk membuat pertukaran yang berkenaan dengan perjalanan dan/atau penginapan untuk membolehkan orang ini mengambil tempat Pihak Diinsuranskan bagi Perjalanan, dengan syarat kemasukan ke dalam Hospital berlaku selepas insuran ini beroperasi dan dalam masa tujuh (7) hari sebelum tarikh bermulanya Perjalanan.

Untuk mengelakkan was-was, dengan ini dimaklumkan bahawa Polisi ini tidak memberi Perlindungan terhadap pengembara gantian yang mengambil tempat Pihak Diinsuranskan di dalam Perjalanan.

Pengecualian bagi Seksyen 24

Kami tidak akan membayar lebih daripada satu insiden penggantian kembara untuk setiap satu Perjalanan.

SEKSYEN 25 – PERLINDUNGAN GOLF

Sekiranya berlaku Kehilangan atau Kerosakan kepada Peralatan Golf kepunyaan (dan tidak disewa atau dipinjam atau diamanahkan kepada) Pihak Diinsuranskan di tempat awam, Kami akan membayar untuk:

- a) kos penggantian atau pembaikan Peralatan Golf yang hilang atau rosak, yang mana lebih rendah, sehingga maksimum RM200 untuk setiap kayu golf; dan/atau
- b) kos untuk menyewa ganti Peralatan Golf.

Sekiranya disebabkan oleh sebarang Kerosakan, Peralatan Golf itu terbukti tidak boleh diperbaiki lagi, tuntutan ini akan Kami anggap di bawah Polisi ini sebagai kehilangan. Kami tidak akan bertanggungjawab lebih daripada had yang tertulis di dalam Pelan Terpilih, berkenaan mana-mana satu barang atau sepasang atau set barang. Kami akan membuat pembayaran atau mengganti atau memperbaiki Peralatan Golf itu di atas pilihan Kami, dengan syarat pelusuhan dan susut nilai diambil kira.

Pihak Diinsuranskan hanya boleh membuat tuntutan sama ada bagi Seksyen 7 atau 25 untuk setiap satu Perjalanan.

BAHAGIAN C - PENGECCUALIAN AM (DIGUNAKAN UNTUK SEMUA SEKSYEN)

Kami tidak akan membayar tuntutan:

1. Akibat atau disebabkan:
 - (a) oleh sebarang Keadaan Perubatan Sedia Ada;
 - (b) membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan, sengaja mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (melainkan untuk menyelamatkan nyawa) atau melakukan jenayah;
 - (c) kesan atau pengaruh alkohol atau ubat, selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
 - (d) secara langsung atau tidak langsung oleh virus Imunokurangan Manusia (HIV) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan/atau sebarang derivatif mutasi ('mutant derivatives') atau variasinya walau bagaimanapun ia terjadi;

- (e) akibat kehamilan termasuk kelahiran anak, pembedahan Caesarean, pengguguran anak, keguguran dan lain-lain kesulitan yang berkaitan melainkan keguguran yang disebabkan oleh Kecederaan tubuh badan akibat Kemalangan;
- (f) Perjalanan Pihak Diinsuranskan disebabkan, atau bertentangan dengan nasihat perubatan, atau Perjalanan adalah semata-mata untuk mendapatkan rawatan; dan/atau
- (g) gangguan atau kegelisahan mental, termasuk ketidaksiaman.

2. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terjadi melalui, atau akibat:

- (a) mengambil bahagian secara profesional dalam sukan atau permainan atau di mana Pihak Diinsuranskan akan atau boleh mendapat pendapatan atau ganjaran daripada meyeritai sukan atau permainan; dan/atau
- (b) Kemalangan dan penyakit apabila mengambil bahagian dalam perlumbaan, rali dan pertandingan kenderaan, mendaki gunung (yang memerlukan tali atau penunjuk arah), mendaki batu, dan mengembara di kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen, mengembara gua, dan aktiviti yang melibatkan anda berada di udara (samada tergantung atau tidak) tidak terhad kepada terjun payung udara, peluncuran gantung, lompatan bungee, sukan terjun udara, terjun tinggi, belon udara panas.

3. Diakibatkan oleh:

- (a) penerbangan selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan penerbangan biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
- (b) Aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, Kerugian yang secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh tindakan Pihak Kerajaan termasuk rampasan, pemusnahan dan pembatasan;
- (c) Kehilangan atau Kerosakan kepada peralatan yang disewa, sebarang ujian ke atas kenderaan;
- (d) bekerja di atas kapal dagangan atau sebagai buruh kasar; perkhidmatan atau operasi tentera laut, askar atau udara, bertugas sebagai tentera atau polis secara tetap atau sementara; bertugas di luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan Pihak Diinsuranskan, pekerjaan manual yang berkaitan dengan sebarang perdagangan, penggajian and pekerjaan;
- (e) aktiviti lepas pantai seperti menyelam (bukan secara rekreasi), pekerjaan di pelantar minyak, melombong, fotografi udara atau mengendalikan letupan;
- (f) membuat tinjauan pemasangan pelantar minyak atau kemudahan yang sedang dibina termasuk peninjauan dari pengangkutan udara;
- (g) perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusuhan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan oleh pemerintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan berikutan amaran rusuhan, mogok atau kegemparan awam melalui atau oleh media massa am;
- (h) pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada teriradiasi bahan api nuclear atau daripada sebarang bahan buangan nuclear dari pembakaran bahan api nuclear;
- (i) bahan letupan radioaktif toksik atau gabungan lain-lain bahan atau komponen letupan nuklear yang mempunyai ciri-ciri berbahaya;
- (j) sebarang Kehilangan/Kerugian atau Kerosakan turutan; dan/atau
- (k) penglibatan Pihak Diinsuranskan secara langsung dalam aktiviti pengganas.

SYARAT-SYARAT AM (DIGUNAKAN UNTUK SEMUA SEKSYEN DALAM POLISI INI)

Pihak Diinsuranskan mestilah mematuhi syarat-syarat berikut supaya mendapat Perlindungan penuh di bawah Polisi ini:

1. Tafsiran

Polisi ini dan Sijil Insurans haruslah dibaca bersama dan sebarang perkataan atau gambaran di mana maksud terperinci dinyatakan di dalam mana-mana bahagian Polisi atau Sijil Insurans akan memberi maksud yang sama di mana-mana pun ia tertera.

2. **Pemerhatian**

Liabiliti kami bergantung kepada pematuhan Pihak Diinsuranskan terhadap terma-terma, syarat-syarat dan had-had yang ditetapkan di dalam Polisi, Jadual dan Endorsmen yang dikepilkan atau diisu menurut Polisi ini.

3. **Penjagaan Munasabah**

Pihak Diinsuranskan akan bertindak sewajarnya dan menjaga keselamatan dan pengawasan harta benda beliau seolah-oleh tidak diinsuranskan dan untuk mengelak sebarang Kehilangan, Kerosakan, Kemalangan, Kecederaan atau Penyakit.

4. **Salahnyataan**

Polisi ini boleh dibatalkan jika terdapat salahnyataan, penerangan yang salah atau tidak maklumkan atau menyembunyikan sebarang keadaan oleh Pihak Diinsuranskan berkaitan dengan kesihatan beliau, khususnya jika Pihak Diinsuranskan;

- (a) menghidap sebarang penyakit, hilang upaya atau kecacatan; atau
- (b) mengetahui tentang sebarang keadaan yang mencadangkan bahawa beliau mungkin menghidap penyakit, hilang upaya atau kecacatan.

5. **Penipuan**

Jika Pihak Diinsuranskan, atau sesiapa yang diberikuasa bagi Pihak Diinsuranskan, membuat tuntutan di bawah Polisi ini dengan mengetahui bahawa tuntutan adalah palsu atau jumlah yang dituntut dinaikkan dengan niat menipu, Kami tidak akan membayar pampasan ini dan kesemua Perlindungan yang diberikan di dalam Polisi ini akan dibatalkan.

6. **Bayaran Premium**

Perlindungan dan tuntutan hanya sah jika bayaran Premium telah dibuat kepada Kami dan Pihak Diinsuranskan patuh dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini. Kami berhak untuk tidak memberi Perlindungan dan/atau menolak tuntutan jika Premium tidak dibayar.

7. **Pembatalan**

Kami berhak membatalkan Sijil ini dengan memberi notis tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pemegang Polisi atau Pihak Diinsuranskan di alamat beliau yang terkini, dan sekiranya ini terjadi, Pemegang Polisi atau Pihak Diinsuranskan juga berhak menerima pulangan untuk bahagian Premium yang berkadaran dengan bahagian Tempoh Insurans yang belum luput, dengan syarat tiada tuntutan dibuat.

Pemegang Polisi atau Pihak Diinsuranskan juga boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kepada Kami, di mana Kami kemudiannya akan mengambil kadar tempoh pendek bagi Sijil yang telah pun berkuatkuasa.

8. **Penambahan Pihak Diinsuranskan**

Polisi ini tidak akan melindungi penambahan seseorang pada sebarang kumpulan di dalam Sijil kecuali orang tersebut dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan dan dibuktikan melalui Endorsmen kepada Sijil ini.

9. **Tambahan Premium**

Tambahan Premium akan dikenakan berdasarkan pro-rata bagi setiap tambahan Pihak Diinsuranskan ke dalam Sijil ini selepas Tempoh Insurans berkuatkuasa atau pada masa pembaharuan Sijil ini.

10. **Pembaharuan**

Sebelum pembaharuan Sijil ini, Pihak Diinsuranskan perlu memberi Kami notis akan sebarang penyakit atau kecacatan fizikal atau kelemahan yang mana Pihak Diinsuranskan sedari semasa Tempoh Insurans terdahulu.

11. **Bayaran Manfaat**

Semua manfaat di bawah Polisi ini adalah dibayar kepada Pihak Diinsuranskan dan, sekiranya Pihak Diinsuranskan meninggal dunia, kepada waris beliau jika yang dinamakan; jika tidak kepada estet Pihak Diinsuranskan. Bayaran tersebut merupakan pelepasan liabiliti sepenuhnya terhadap Kami. Pembayaran bagi sebarang tuntutan yang dilindungi di dalam Polisi ini akan dibuat dalam Ringgit Malaysia.

12. **Tuntutan**

Sekira berlakunya sebarang Kecederaan, Kehilangan/Kerugian atau Kerosakan, Pihak Diinsuranskan mestilah:

- (a) memberitahu Kami secara bertulis dan secepat mungkin tidak lebih daripada empat puluh lima (45) hari selepas luputnya Polisi ini atau ketibaan anda di Malaysia, yang mana lebih awal;

- (b) kirimkan sebarang surat dakwa, saman, surat-surat dan lain-lain dokumen kepada Kami serta-merta;

- (c) atas pembiayaan Pihak Diinsuranskan, atau pembiayaan sesiapa yang mewakili Pihak Diinsuranskan, menyediakan kepada Kami, sijil-sijil, maklumat dan dokumen (dan juga penterjemahan yang mana perlu) berdasarkan keperluan Kami.

Pihak Diinsuranskan tidak boleh:

- (a) mengaku atau tidak mengaku dengan sebarang tuntutan yang dibuat oleh orang lain terhadap Pihak Diinsuranskan dan juga membuat perjanjian di dengan beliau.

Kami berhak:

- (a) meminta supaya pemeriksaan dilakukan ke atas Kecederaan yang tidak membawa maut oleh pegamal perubatan yang ditentukan oleh Kami;
- (b) mengadakan rundingan, menyelesaikan atau membela sebarang dakwaan menggunakan nama Pihak Diinsuranskan dan sebagai wakil Pihak Diinsuranskan;
- (c) menggunakan hak-hak Pihak Diinsuranskan;
- (d) meminta supaya autopsi dan/atau pemeriksaan post-mortem dalam kes Kematian Akibat Kemalangan;
- (e) atas pilihan Kami, sama ada membuat bayaran, mengembalikan seperti asalnya atau membaiki harta benda yang hilang atau rosak.

Liabiliti Kami adalah tertakluk kepada pembayaran Manfaat-manfaat yang dinyatakan di dalam Polisi, Jadual dan/atau Endorsmen yang menjadi hak Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi ini. Kami tidak bertanggungjawab ke atas liabiliti yang disebabkan oleh ketersediaan, kualiti atau keputusan rawatan perubatan atau lain-lain perkhidmatan, atau kegagalan Pihak Diinsuranskan mendapatkan sebarang rawatan atau perkhidmatan yang dilindungi oleh terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

13. **Penduaan Perlindungan**

Kami tidak akan membayar pampasan sekiranya Kehilangan/Kerugian, Kerosakan atau liabiliti yang dilindungi di bawah Polisi ini juga dilindungi sepenuhnya atau sebahagiannya oleh sebarang insurans lain kecuali jika terdapat lebih daripada jumlah yang dilindungi oleh insurans lain jika Polisi ini tidak menerima kesan. Untuk mengelakkan was-was, Pihak Diinsuranskan hanya layak untuk satu Perlindungan di bawah Polisi ini di dalam setiap satu Tempoh Insurans. Sekiranya dua atau lebih Perlindungan dibeli untuk risiko yang sama, Kami berhak membayar pampasan di bawah sebarang satu polisi dan seterusnya membatalkan dan memulangkan kepada Pemegang Polisi atau Pihak Diinsuranskan (yang mana berkenaan) Premium yang telah dibayar untuk polisi-polisi yang tinggal. Sekiranya Pihak Diinsuranskan mempunyai lebih daripada satu polisi dengan Kami untuk perlindungan insurans yang berbeza, dengan manfaat yang bertindih, tuntutan (atau tuntutan-tuntutan) hanya boleh dibuat di bawah satu daripada polisi-polisi itu (berdasarkan pilihan Pihak Diinsuranskan) dan tiada pemulangan wang atau pembatalan bagi polisi (atau polisi-polisi) lain.

14. **Penimbangtaraan**

Sekiranya Kami mengaku liabiliti untuk tuntutan tetapi terdapat pertikaian berkenaan jumlah yang harus dibayar, pertikaian itu akan dirujuk kepada penimbangtara. Penimbangtara akan dilantik bersama oleh Pihak Diinsuranskan (atau Pemegang Polisi, yang mana berkenaan) dan Kami berdasarkan undang-undang ketika itu. Pihak Diinsuranskan (atau Pemegang Polisi, yang mana berkenaan) tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami berkenaan pertikaian sebelum penimbangtara telah membuat keputusan.

15. **Faedah**

Tiada jumlah harus dibayar di bawah Polisi ini yang akan dikenakan faedah bayaran.

16. **Pembatalan Automatik**

Polisi ini akan berhenti memberi perlindungan kepada Pihak Diinsuranskan:

- (a) pada tarikh pembaharuan selepas tarikh Pihak Diinsuranskan tidak lagi layak berdasarkan umur atau status; dan/atau
- (b) sekiranya Kemalangan terjadi yang menimbulkan tuntutan dan di mana Kami membuat bayaran untuk Kemalangan Diri, Hilang Upaya Menyeluruh Kekal, Hilang Penglihatan Menyeluruh Kekal, Hilang Upaya Pertuturan Menyeluruh Kekal dan Hilang Upaya Pendengaran Menyeluruh Kekal di kedua-dua telinga.

PART E: TINDAKAN DAN/ATAU DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU UNTUK MEMPROSES TUNTUTAN

Seksyen	Jenis Tuntutan	Tindakan / Dokumen-dokumen / Diperlukan
	Semua tuntutan	Borang Tuntutan yang lengkap dan ditandatangani sewajarnya. Sijil Insurans asal. Tiket Penerbangan dan/atau pas masuk.
Termasuk yang berikut di mana berkenaan		
1	Kemalangan Diri	Laporan perubatan daripada doktor luar negara yang merawat. Sijil Kematian. Laporan Post Mortem. Laporan Polis.
2	Dana Pendidikan Anak-anak	Sijil Beranak Anak-anak.
3	Perbelanjaan Perubatan	Laporan perubatan daripada doktor luar negara yang merawat. Invois dan resit perubatan yang asal bagi semua amaun yang dituntut (tersenarai). Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk kos pengebumian atau pembakaran mayat atau mengangkut mayat. Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk perjalanan dan akomodasi tambahan.
4	Elaun Hospital	Surat mengesahkan tarikh dibenarkan masuk dan tarikh dibenarkan keluar dari Hospital.
5	Perlindungan Kuarantin disebabkan Selsema Pandemik	Laporan perubatan daripada doctor / pegawai kesihatan yang merawat.
6	Pemindahan & Penghantaran Balik Perubatan Kecemasan	Laporan perubatan daripada doktor luar negara yang merawat. Invois dan resit perubatan yang asal bagi semua amaun yang dituntut (tersenarai). Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk kos pengebumian atau pembakaran mayat atau mengangkut mayat. Resit asal bagi belanja tambahan yang dituntut untuk perjalanan dan akomodasi tambahan.

Section	Type of Claim	Action/ Document(s) / Required
7	Bagasi dan Barang Peribadi	Resit asal bagi semua barang yang dituntut. Jika tidak ada, sediakan keterangan barang dan tarikh, tempat dan harga belian. Laporan polis memperincikan keadaan dan senarai barang-barang yang dicuri. Jika dalam jagaan pihak ketiga yakni syarikat penerbangan, syarikat pengangkutan, hotel dll., dapatkan laporan bertulis dari mereka tentang kejadian itu dan tulis aduan rasmi menganggap mereka bertanggungjawab bagi kehilangan. Gambar yang menunjukkan kerosakan bagasi.
8	Wang Peribadi dan Dokumen	Laporan Polis memperincikan keadaan dan senarai barang-barang yang dicuri. Resit asal bagi kos tambahan ditanggung dalam mengganti dokumen perjalanan yang hilang.
9	Kelewatan Bagasi	Laporan Kelewatan Bagasi daripada sistem penerbangan berkenaan mengesahkan jangka masa kelewatan dan sebab-sebabnya. Pengesahan bertulis daripada sistem penerbangan berkenaan tarikh dan masa penghantaran bagasi.
10	Kelewatan Perjalanan	Pengesahan bertulis daripada sistem penerbangan yang berkenaan mengesahkan jangka masa kelewatan dan sebab-sebab kelewatan. Resit asal untuk pembayaran pelancongan jika membuat tuntutan untuk Seksyen 10 (2).
11	Kehilangan Deposit Atau Lindungan Pembatalan	Laporan perubatan, Sijil Kematian, bukti status perhubungan dll. mengikut keadaan. Salinan Bil Perubatan. Resit asal bagi bayaran lawatan. Tempahan dan pembatalan/invois pemulangan wang, terma-terma dan syarat-syarat pengendali pelancongan.
12	Pemendekan Perjalanan	Seperti Seksyen 11 di atas. Pengesahan bertulis daripada doktor luar negara yang merawat bahawa adalah perlu untuk pulang ke rumah. Jika kerana Rampasan atau bencana semula jadi, pengesahan bertulis daripada pengendali pelancongan berkenaan mengesahkan kejadian itu. Pas masuk menaiki pesawat untuk mengesahkan tarikh sebenar ketibaan balik ke Malaysia.
13	Perjalanan Terlebih Tempah	Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan butir penerbangan yang terlebih tempahan dan bilakah pengangkutan alternatif yang berikut ada.
14	Kegagalan Menyambung Perjalanan	Pengesahan bertulis daripada sistem penerbangan berkenaan mengesahkan butir salah sambungan penerbangan dan bilakah pengangkutan alternatif yang berikut ada.
15	Rampasan Pesawat/ Kenderaan	Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan kejadian itu dan jangka masa.

16	Kegagalan untuk Berlepas	Resit asal bagi belanja yang dituntut untuk akomodasi & belanja perjalanan tambahan. Pengesahan bertulis dari perkhidmatan pengangkutan awam berkenaan mengesahkan kerosakan mekanikal itu.
17	Perjalanan Diubah	Pengesahan bertulis dari sistem penerbangan berkenaan mengesahkan bilangan jam lewat untuk sampai ke destinasi Pihak Diinsuranskan dan sebab bagi kelewatan demikian.
18	Kehilangan Deposit atau Bayaran Penuh Disebabkan Syarikat Penerbangan Insolven	Resit asal bayaran tiket Penerbangan. Resit tempahan bersama sama syarat-syarat tempahan dan jadual Perjalanan. Repot polis mengenai Syarikat Penerbangan yang Insolven. Bukti bertulis daripada Jabatan Insolven Malaysia mengenai status Syarikat Penerbangan yang Insolven.
19	Kehilangan kad Kredit	Laporan polis. Penyata yang dikeluarkan oleh bank yang menunjukkan rekod penggunaan kad yang tidak dibenarkan termasuk tarikh dan masa pemakluman Kehilangan.
20	Liabiliti Diri	JANGAN AKUI LIABILITI Sampaikan sebarang surat menyurat daripada pihak ketiga tanpa dijawab kepada Adjuster Kerugian dengan serta-merta.
21	Manfaat Penjagaan Rumah	Laporan Polis. Resit asal bagi semua barang yang dituntut. Jika tidak ada, sediakan keterangan barang dan tarikh, tempat dan harga belian.

Section	Type of Claim	Action/ Document(s) / Required
22	Perlindungan Ekses bagi Kereta Sewa	Perjanjian sewa kereta yang asal. Surat bertulis daripada agensi sewa menganggap Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab bagi Kehilangan atau Kerosakan kenderaan sewa. Invois dan resit asal daripada agensi sewa untuk sewa kereta. Salinan lesen memandu setiap pemandu pada masa Kemalangan. Salinan polisi insurans motor luar negara jika ada. Salinan laporan polis. Resit asal lebihan yang dibayar.
23	Wang Tebusan Disebabkan Penculikan atau Tebusan.	Laporan polis. Bukti bertulis daripada Kedutaan Malaysia di negara berkenaan membuktikan kejadian dan jangkamasa.
24	Penggantian Kembara	Laporan Perubatan. Bukti yang menyatakan status Perhubungan dll bergantung kepada keadaan. Salinan BII Perubatan. Resit asal pembayaran pelancongan. Invois tempahan dan pembatalan oleh Pengendali pelancongan.
25	Perlindungan Peralatan Golf	Resit asal bagi Kehilangan/Kerosakan peralatan. Gambar menunjukkan Kerosakan Peralatan Golf.

JADUAL MANFAAT			Jumlah Yang Diinsuranskan/ Had Liabiliti (RM)		
			Pelan Individu		Pelan keluarga
			Platinum	Emas	
KEMALANGAN DIRI					
SEKSYEN 1A	KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN	Dewasa	500,000	250,000	500,000
		Kanak-kanak	500,000	250,000	75,000
SEKSYEN 1B	HILANG UPAYA KEKAL		500,000	250,000	500,000
SEKSYEN 1C	KEHILANGAN SATU ATAU LEBIH ANGGOTA ATAU KEHILANGAN PENGLIHATAN SATU ATAU KEDUA-DUA MATA		250,000	125,000	250,000
		Maksimum setiap keluarga	Tiada	Tiada	1,500,000
SEKSYEN 2	DANA PENDIDIKAN ANAK-ANAK	Maksimum setiap keluarga	20,000	10,000	20,000
PERUBATAN & PERBELANJAAN LAIN					
SEKSYEN 3A	PERBELANJAAN PERUBATAN	Dewasa/ Kanak-kanak	300,000	200,000	300,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	900,000
SEKSYEN 3B	RAWATAN PERUBATAN ALTERNATIF	Dewasa/ Kanak-kanak	1,000	500	1,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	3,000
<i>Tertakluk kepada Seksyen 3A – Had Perbelanjaan Perubatan</i>					

JADUAL MANFAAT			Jumlah Yang Diinsuranskan/ Had Liabiliti (RM)		
			Pelan Individu		Pelan Keluarga
			Platinum	Emas	
PERUBATAN & PERBELANJAAN LAIN					
SEKSYEN 3C	MANFAAT PENJAGAAN SIMPATI (KERANA PIHAK DIINSURANSKAN DIMASUKKAN KE DALAM HOSPITAL / KERANA KEMATIAN PIHAK DIINSURANSKAN)	Dewasa/ Kanak-kanak	8,000	5,000	8,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	24,000
<i>Tertakluk kepada Seksyen 3A – Had Perbelanjaan Perubatan</i>					
SEKSYEN 3D	MANFAAT PENJAGAAN KANAK-KANAK • Setiap hari • Setiap kejadian		500	500	500
			8,000	5,000	8,000
<i>Tertakluk kepada Seksyen 3A – Had Perbelanjaan Perubatan</i>					
SEKSYEN 3E	RAWATAN LANJUTAN DI MALAYSIA	Dewasa/ Kanak-kanak	30,000	20,000	30,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	90,000
<i>Tertakluk kepada Seksyen 3A – Had Perbelanjaan Perubatan</i>					
MEDICAL AND OTHER NECESSARY EXPENSES					
SEKSYEN 4	ELAUN HOSPITAL	Dewasa/ Kanak-kanak	21,000	10,500	21,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	63,000
SEKSYEN 5	PERLINDUNGAN KUARANTIN DISEBABKAN SELSEMA PANDEMIK	Dewasa/ Kanak-kanak	3,000	2,000	3,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	9,000
PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN DAN PENGHANTARAN BALIK					
SEKSYEN 6A	PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN		Tiada Had	Tiada Had	Tiada Had
SEKSYEN 6B	PENGHANTARAN BALIK KECEMASAN		Tiada Had	Tiada Had	Tiada Had
SEKSYEN 6C	PENYELENGGARAAN JENAZAH		Tiada Had	Tiada Had	Tiada Had
KESULITAN SEMASA PERJALANAN					
SEKSYEN 7	BAGASI DAN BARANG PERIBADI	Dewasa/ Kanak-kanak	7,500	5,000	7,500
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	22,500
SEKSYEN 8	WANG PERIBADI & DOKUMEN	Dewasa/ Kanak-kanak	7,500	5,000	7,500
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	22,500
SEKSYEN 9	KELEWATAN BAGASI	Dewasa/ Kanak-kanak	1,600	800	800
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	2,400
SEKSYEN 10	KELEWATAN PERJALANAN Pembatalan disebabkan oleh kelewatan	Dewasa/ Kanak-kanak	3,200	2,000	3,800
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	11,400
		Dewasa/ Kanak-kanak	500	500	500
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	1,500
SEKSYEN 11	KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN	Dewasa/ Kanak-kanak	20,000	20,000	20,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	60,000

JADUAL MANFAAT			Jumlah Yang Diinsuranskan/ Had Liabiliti (RM)		
			Pelan Individu		Pelan Keluarga
			Platinum	Emas	
KESULITAN SEMASA PERJALANAN					
SEKSYEN 12	PEMENDEKAN PERJALANAN	Dewasa/ Kanak-kanak	20,000	20,000	20,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	60,000
SEKSYEN 13	PERJALANAN TERLEBIH TEMPAHAN	Dewasa/ Kanak-kanak	400	200	400
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	1,200
SEKSYEN 14	KEGAGALAN MENYAMBUNG PERJALANAN	Dewasa/ Kanak-kanak	500	300	500
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	1,500
SEKSYEN 15	RAMPASAN PESAWAT/KENDERAAN	Dewasa/ Kanak-kanak	10,000	10,000	10,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	30,000
SEKSYEN 16	KEGAGALAN UNTUK BERLEPAS	Dewasa/ Kanak-kanak	2,000	1,000	2,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	6,000
SEKSYEN 17	LALUAN PERJALANAN DIUBAH	Dewasa/ Kanak-kanak	500	250	500
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	1,500
SEKSYEN 18	KEHILANGAN DEPOSIT ATAU BAYARAN PENUH DISEBABKAN SYARIKAT PENERBANGAN INSOLVEN	Dewasa/ Kanak-kanak	20,000	10,000	10,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	30,000
SEKSYEN 19	KEHILANGAN KAD KREDIT	Dewasa/ Kanak-kanak	10,000	5,000	10,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	30,000
SEKSYEN 20	LIABILITI DIRI	Dewasa/ Kanak-kanak	1 million	1 million	1 million
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	3 million
SEKSYEN 21	MANFAAT PENJAGAAN RUMAH	Dewasa/ Kanak-kanak	5,000	5,000	5,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	15,000
SECTION 22	PERLINDUNGAN EKSES BAGI KERETA SEWA	Dewasa/ Kanak-kanak	1,000	1,000	1,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	3,000
SECTION 23	WANG TEBUSAN DISEBABKAN PENCULIKAN ATAU TAWANAN	Dewasa/ Kanak-kanak	200,000	100,000	100,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	300,000
SECTION 24	PENGANTIAN KEMBARA	Dewasa/ Kanak-kanak	5,000	3,000	5,000
		Maksimum setiap Keluarga	Tiada	Tiada	15,000
SECTION 25	PERLINDUNGAN PERALATAN GOLF		5,000	2,000	5,000